

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

Arahan Kerja ini hendaklah dirujuk bersama ***Guideline on Infection Control in Dental Practice 2017***

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	Rujuk Bab 2: <i>Responsibilities of Oral Healthcare Worker</i>
PPP/ PPK	A. PENSTERILAN DAN DISINFEKSI
	1. Basuh tangan dan keringkan. Pakai pelindung mata, <i>mask</i> , apron dan sarung tangan <i>heavy duty</i> bagi perlindungan dari aerosol dan percikan.
	Rujuk Bab 3: <i>Cleaning, Disinfection and Sterilisation of Patients Care Items</i>
PPP/ PPK	2. UTILITI BASAH / KOTOR
	<p>a. Seksyen Pembuangan Sisa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Buang sisa dari peralatan tercemar ke dalam tong berkenaan: tong klinikal / domestik / <i>sharp bin</i>
PPP/ PPK	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen Rendaman: • Jika peralatan tidak dapat dicuci segera, rendam peralatan dalam bancuhan <i>holding solution</i> (detergen / <i>enzymatic cleaner</i>) bagi mengelakkan pengeringan dan memudahkan proses pencucian. • Seterusnya rendam peralatan dalam bancuhan disinfektan <i>precleaning</i> (sekurang-kurangnya tahap <i>intermediate</i>) supaya selamat bagi proses seterusnya iaitu pencucian terutamanya pencucian secara manual. • Bagi rendaman <i>precleaning</i>, pastikan: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Peralatan direndam sepenuhnya – <i>submerged</i> ▪ Kepekatan bancuhan berdasarkan arahan pengeluar ▪ Pengukuran masa rendaman dilakukan mengikut arahan pengeluar. Tarikh ditulis pada bekas rendaman. ▪ Mengikut prinsip <i>First in First Out</i> (FIFO) peralatan direndam mengikut <i>batch</i>. ▪ Gunakan <i>timer</i> bagi pengukuran masa

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	
PPP/ PPK		<p>b. Seksyen Pencucian:</p> <p>Pencucian secara Manual:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kendalikan pencucian 1 atau 2 peralatan sahaja dalam satu masa dengan menggunakan berus bertangkai dan dalam keadaan berendam bagi mengurangkan percikan. <p>Pencucian secara <i>Automated Cleaning Equipment</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya peralatan dicuci dengan <i>Ultrasonic Cleaner</i> atau <i>Washer</i>, maka ia tidak perlu direndam dalam bancuhan disinfektan <i>precleaning</i>. • Gunakan alat <i>Ultrasonic Cleaner</i> sekiranya perlu. (Rujuk WPKL-BKP(G)-AK5 – Cara Mengguna dan Menyelenggara Alat-alat Pergigian- <i>Ultrasonic Cleaner</i>). <p>Bilas peralatan bagi mengeluarkan sisa detergen / kimia dan keringkan dengan tuala /linen bersih.</p>
PPP/ PPK	3.	<p>UTILITI KERING / BERSIH</p> <p>Kenalpasti dan asingkan peralatan yang perlu pensterilan panas atau pensterilan sejuk.</p>
PPP/ PPK		<p>a. Seksyen Pembungkusan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bungkus peralatan yang telah dibersihkan dan keringkan sebelum pensterilan sekiranya perlu diautoklaf dalam keadaan berbungkus (Rujuk Panduan Penggunaan/<i>Instructions for Use</i> autoklaf tertentu dari pihak pembekal).

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PPP/ PPK	<p>b. Seksyen Pensterilan:</p> <p>i. Pensterilan Panas</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pensterilan dengan autoklaf disyorkan untuk peralatan yang boleh diautoklaf. • Jalankan pensterilan dengan autoklaf untuk peralatan yang telah dikenalpasti. (Rujuk WPKL-BKP(G)-AK5-Cara mengguna dan menyelenggara Alat-alat Pergigian- Autoklaf). • Gunakan <i>Cheatle Forcep</i> yang steril untuk mengangkat peralatan yang telah diautoklaf. <p>ii. Pensterilan Sejuk / Kimia</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pensterilan sejuk disyorkan untuk peralatan yang tidak boleh diautoklaf. • Jalankan pensterilan sejuk untuk peralatan yang telah dikenalpasti. • Pastikan: <ul style="list-style-type: none"> - Peralatan direndam sepenuhnya – <i>submerged</i> - Kepekatan bancuhan berdasarkan arahan pengeluar - Pengukuran masa rendaman dilakukan mengikut arahan pengeluar. Tarikh ditulis pada bekas rendaman. - Mengikut prinsip <i>First in First Out</i> (FIFO) peralatan direndam mengikut <i>batch</i> - Hanya terhad bagi peralatan plastik, kaca dan getah. - Gunakan <i>timer</i> bagi pengukuran masa dan <i>cheatle Forcep</i> yang steril untuk mengangkat peralatan yang telah disteril. <p>- Bilas peralatan selepas direndam dengan air suling dan keringkan peralatan dengan tuala/linen steril.</p>

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	
PPP/ PPK		<p>c. Seksyen Penyimpanan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peralatan yang telah disteril haruslah disimpan dalam keadaan yang berbungkus, bersih, bebas habuk dan bertutup. • Kabinet bagi penyimpanan peralatan steril haruslah bersih, bebas habuk, bertutup, berlabel dan ada sistem FIFO, jika keadaan mengizinkan. • Peralatan haruslah disteril semula jika tempoh penyimpanan melebihi 6 bulan / bungkus telah terkoyak, mana yang terlebih dulu. <hr/> <ul style="list-style-type: none"> • Peralatan melebihi tempoh penyimpanan haruslah dibersihkan semula, dibungkus dalam bungkus baru dan disteril semula.
PPP/ PPK	4.	<p>PERMUKAAN PERSEKITARAN</p> <p>Kawalan Persekitaran merangkumi 2 permukaan:</p> <p>a. Permukaan Kontak Klinikal:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Merangkumi unit pergigian dan <i>controls</i> termasuk <i>spittoon, handle</i> lampu, <i>triple syringe, handpieces brackets, suction hoses</i>. • Unit <i>amalgamator, curing light, Impression Material Dispenser</i> dan komputer <i>chair side</i> • <i>Handle</i> laci dan sink, telefon, alatulis, tombol pintu serta permukaan kerja • Penggunaan alat pelindung diri (APD/PPE) adalah wajib semasa pengendalian proses pembersihan dan disinfeksi permukaan • Bagi disinfeksi permukaan ini, boleh digunakan: <ul style="list-style-type: none"> - Low level disinfectant jika permukaan dikontaminasi secara tidak <i>visible</i> - Intermediate level disinfectant jika permukaan dikontaminasi secara <i>visible</i> (darah) - High level disinfectant tidak boleh digunakan sama sekali bagi disinfeksi permukaan kerana boleh merosakkan permukaan dan mungkin toksik kepada pengguna. • Prinsip pengendalian disinfeksi permukaan: <ul style="list-style-type: none"> - Semburan disinfeksi secara langsung ke permukaan tidak digalakkan bagi mengelakkan aerosol yang boleh mengakibatkan masalah sistem respirasi. - Disinfektan perlu dibiarkan seketika atas permukaan berdasarkan tempoh yang ditetapkan (arahan pengeluar)

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PPP/ PPK	<ul style="list-style-type: none">- Proses pembersihan perlu dikendalikan sebelum proses disinfeksi bagi mengeluarkan bahan organik dengan menggunakan <i>damp cloth</i>.- Disinfeksi permukaan klinikal melibatkan 3 langkah iaitu mula-mula disinfektan di letakkan bagi mengurangkan kuantiti mikrob, diikuti pengelapan permukaan dan akhirnya disinfektan dibubuh bagi kali kedua. <p>b. Permukaan domestik - <i>housekeeping</i>:</p> <ul style="list-style-type: none">• Merangkumi lantai, siling, tombol pintu, dinding dan sink• Pembersihan biasa adalah memadai asalkan tiada penghasilan aerosol, seperti <i>damp dusting</i>, <i>dust retaining mop</i> dan <i>vacuum cleaner</i> dengan <i>air filtration of the exhaust</i>.• Penyapu tidak boleh digunakan di kawasan klinikal kerana menghasilkan habuk dan bakteria ke persekitaran.

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

B. SENARAI BAHAN-BAHAN DISINFECTAN

BAHAN	“CONTACT TIME”	TEMPOH	CATATAN
<i>Chlorhexidine 5% (Hibitane)</i>	**30 saat	<i>premixed</i>	Basuh tangan
<i>Sodium Hypochloride 5%</i>	**10 min	Botol	Disinfeksi percikan darah serta bendalir dan rendam impresi
<i>Alkohol (Al.)</i>	Sapu hingga kering	-	Kawasan kerja bukan dari jenis berkulit
* <i>Grotanat</i>	**10 min	Guna dari botol sehari sahaja	Untuk rendaman <i>bur, stone</i> dan <i>scaler tip</i> sahaja
* <i>Gluteraldehyde 2%</i>	**20 min	2 minggu	Rendam peralatan yang dicemar dengan darah, juga dentur patah sebelum direpair - bersihkan dahulu di air yang mengalir:
* <i>BioCide</i>	<i>spray</i>	<i>premixed</i>	Bagi semua impresi, model kerja, <i>wax models</i> di makmal dan dibilik rawatan
* <i>Gigazyme</i>	**30 mins.	Ikut arahan pengeluar	<i>Lap scaler Handpiece</i> dan <i>amalgam carrier</i>
* <i>Puli.Jet/Gobble Plus/Sirona fluid</i>	Campur dalam bekas	<i>Use immediately</i>	Sedut dengan penyedut air liur - Ikut pengsyoran pembuat
* <i>Larutan Ultrasonic Cleaner</i>	**5-15 minit	satu minggu	Cuci peralatan yang telah tercemar dahulu di air yang mengalir, kemudian cuci di <i>ultrasonic cleaner</i>
<i>Disinfectant Wipes</i>	Lap	Dari bekas	Lap kawasan kerja dan peralatan pergigian

*Rujuk Bahan yang dibekalkan dari pihak Stor Utama Pergigian dari masa ke masa. Contoh yang dinyatakan adalah jenama bahan.

**Sila rujuk arahan pengeluar bagi setiap bahan yang digunakan. Masa yang dicatat hanyalah rujukan umum.

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

C. SENARAI PERALATAN RINGAN PERGIGIAN DAN PROSES DEKONTAMINASI YANG DISYORKAN

PERALATAN	DISINFEKSI	PENSTERILAN	CATATAN
<i>SURGICAL ITEMS Syringes Forceps Suture needles Needle recapper</i>	Rendam dalam larutan disinfeksi / pensterilan sejuk Ultrasonic Cleaner	Autoklaf	Prepack jika perlu
<i>Rubber items</i>	Larutan disinfeksi/ pensterilan sejuk	-	-
<i>Surgical cloth</i>	-	Autoklaf	<i>Prepack</i> sebelum autoklaf
PERGIGIAN KONSERVATIF <i>Light Cure Unit</i>	Disinfectant Wipes	-	Lapkan permukaan alat dan fibre-optik
Amalgam Carrier	Disinfectant Wipes	-	Lapkan permukaan alat
Amalgam Carrier's Tip Semua bur	Rendam dalam larutan disinfeksi / pensterilan sejuk mengikut arahan pengeluar	-	Keringkan selepas rendam
<i>Glass Slab Face mirror Face shield Dappen glass Mortar</i>	Disinfectant Wipes	-	Bersihkan dengan detergen jika terlalu kotor
<i>Hand instruments, mouth mirrors, probes tweezers (SS)</i>	Ultrasonic Cleaner	Autoklaf	-
<i>Matrix bands, retainers</i>	Ultrasonic Cleaner	Autoklaf	-
<i>Cotton pellets</i>		Autoklaf	Prepack
<i>Shade guide</i>	Alkohol		-
<i>Plastic Items for etching and bonding</i>	Larutan disinfeksi/ pensterilan sejuk	-	-

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

PERALATAN	DISINFEKSI	PENSTERILAN	CATATAN
<i>Paper Points</i>	-	Autoklaf	<i>Prepack</i>
<i>Endo Files</i>	Larutan disinfeksi/ pensterilan sejuk	Autoklaf	<i>Prepack</i>
<i>Gauze</i>	-	Autoklaf	Bungkus dengan kertas khas sebelum autoklaf
<i>Scaler tips</i>	Rendam dalam larutan disinfeksi/ pensterilan sejuk	Autoklaf	<i>Prepack</i>
<i>Pulp Tester</i>	<i>Disinfectant Wipes</i>	-	Lap
Permukaan troli	Lap dengan <i>Disinfectant Wipes</i> / Alkohol.	-	Setiap hari
Sinki	Bersih dengan detergen	-	Setiap hari
Kain penutup troli	-	Autoklaf	<i>Prepack</i> sebelum autoklaf –tukar setiap hari
<i>Cheatle Forcep</i>	-	Autoklaf	Setiap hari
<i>Cheatle Forcep Holder</i>	-	Aotoklaf	Setiap hari

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

PERALATAN	DISINFEKSI	PENSTERILAN	CATATAN
DENTAL UNIT			
<i>Surfaces of Dental unit</i>	Lap dengan <i>Disinfectant Wipes</i>	-	Selepas setiap pesakit
<i>Suction</i>	*ADEC-Pulijet Sirona- Orocap	-	Setiap hari pada akhir hari Setiap minggu kecuali dalam kes <i>scaling</i> atau MOS
<i>Spittoon</i>	Detergen	-	Selepas setiap pesakit kes <i>scaling</i> , tampalan, cabutan jika guna spittoon Buang sisa sisa amalgam dan kalkulus selepas setiap pesakit jika spittoon digunakan.
<i>3 way syringe</i>	Disinfektan	Autoklaf	Selepas pesakit
PROSTETIK			
<i>Tray impressi</i>	Rendam dalam bahan pelarut sisa impresi e.g. <i>Trecclean</i>	Autoklaf	-
<i>Spatula alginate /SS White</i>	Bersihkan dengan sabun dan disinfektan dengan <i>wipes</i>	-	Keringkan
<i>Wax knife</i>	Bersihkan dengan sabun dan disinfektan dengan <i>wipes</i>	-	Bersihkan dari wax selepas setiap pesakit
<i>Lecron carver</i>	Bersihkan dengan sabun dan disinfektan dengan <i>wipes</i>	-	Bersihkan dari wax selepas setiap pesakit
<i>Acrylic burs</i>	Larutan disinfeksi/ Pensterilan sejuk	-	-
<i>Spirit Lamp / micro-torch</i>	-	-	Sentiasa bersih dari wax dan disediakan penuh dengan spirit

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	
JP/PPP/ PPK	1.	<p>D. PENSTERILAN / DISINFEKSI HANPIECE</p> <p>Pensterilan <i>handpiece</i> dengan menggunakan Autoklaf Vacuum</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lapkan <i>handpiece</i> yang terpakai dengan <i>Disinfectant Wipes</i>. Sembur minyak pelincir <i>handpiece</i> (kecuali <i>scaler handpiece</i>) ke dalam <i>handpiece</i> [Ruj.WPKL-BKP(G)-AK5 – Seksyen <i>Assistina</i>] • Bungkuskan dengan menggunakan <i>instrument pouch</i>. • Masukkan ke dalam autoklaf dan jalankan pusingan pensterilan. • Keluarkan <i>handpiece</i> setelah pensterilan selesai dan biarkan sejuk
JP/PPP/ PPK	2.	<p>Disinfeksi <i>handpiece</i> dengan menggunakan <i>Disinfectant Wipes</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Lapkan <i>handpiece</i> yang terpakai dengan <i>disinfectant wipes</i> di antara pesakit. • Selepas rawatan pesakit terakhir, jalankan <i>handpiece</i> dan pastikan air keluar selama 20 saat. (Untuk <i>handpiece</i> kelajuan tinggi sahaja) • Lap <i>handpiece</i> dengan <i>wipes</i> untuk membersihkan sisa-sisa yang terlekat pada <i>handpiece</i>. • Semburkan minyak <i>handpiece</i> (kecuali <i>scaler handpiece</i>) ke dalam <i>handpiece</i> dan simpan dalam bekas bertutup yang bersih dan kering dalam keadaan kepala <i>handpiece</i> ke bawah.
PPP	1.	<p>E. KAWALAN JANGKITAN SILANG DI MAKMAL PERGIGIAN</p>
PPP		<p>Personel Pergigian perlu memakai PPE yang lengkap semasa pengendalian item makmal.</p>
JT	3.	<p>BILIK SURGERI</p>
		<p>a. Sembur disinfektan ke atas item seperti dibawah sebelum dihantar ke makmal:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Impresi Primer • Impresi sekunder • Blok gigitan • <i>Wax pattern</i> • Dentur patah/aplians ortodontik//korona kobal-krom
		<p>MAKMAL PERGIGIAN</p>
		<p>a. Juruteknologi Pergigian perlu memakai PPE lengkap semasa membuat kerja makmal</p> <p>b. Sembur sekali lagi item diatas. Simpan mengikut arahan pengeluar.</p>

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	
JT		<p>i. Tray Impresi Primer</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rendam tray dalam larutan <i>Treclean</i> semalaman • Bersihkan tray dari bahan <i>Alginate</i> • Hantar ke bilik pensterilan untuk dicuci dalam <i>Ultrasonic Cleaner</i> dan diautoklaf <p>ii. Pembaikan Dentur</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sembur/rendam dengan disinfektan yang telah dibekalkan • Keringkan dentur dan pembaikan dilakukan • <i>Polish</i> dengan pumis. • Cuci dentur dengan air dan letakkan di ruang penghantaran kes untuk diisu. <p>iii. Mikromotor dan <i>handpiece</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Handpiece</i> dilap dengan <i>disinfectant wipes</i> • Bur ditanggalkan selepas membuat pembaikan dentur /aplians ortodontik / korona/kobalt krom dan direndam dalam larutan disinfektan (ikut arahan pengeluar) <p>iv. Bahan Penggilapan (Pumis)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gunakan serbuk pumis baru setiap kali untuk kerja-kerja mengilap
PPP / PPK		F. PENGENDALIAN SISA KLINIKAL
PPP / PPK	1.	<p>i. PENGURUSAN SISA BERJADUAL PERINGKAT KLINIK</p> <p>Kenalpasti sisa berjadual / klinikal mengikut jenis.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pepejal • Alat-alat tajam • Bendalir tubuh • Sisa kimia
PPP / PPK	3.	<p>PEMBUANGAN SISA PEPEJAL</p> <p>a. Buangkan sisa pepejal (gigi, tisu mulut, <i>gauze</i>, <i>cotton roll</i>, <i>cotton pellet</i>) yang tercemar dengan darah atau air liur ke dalam tong sisa klinikal (kuning).</p>

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	
		<ul style="list-style-type: none"> ● Klinik Pergigian yang mempunyai perkhidmatan konsesi yang dilantik - Pastikan tong sisa klinikal berplastik kuning sentiasa ditutup rapat dan akan dipungut setiap hari bekerja oleh pihak konsesi. <hr/> <ul style="list-style-type: none"> ● Klinik Pergigian - Pastikan tong sisa klinikal berplastik kuning ditutup rapat. Plastik diikat dengan <i>cable tie</i> apabila penuh atau di akhir waktu rawatan dan dilabelkan nama klinik dan tarikh. Sisa dikumpul di tempat simpanan khas sebelum dihantar untuk pelupusan. <hr/> <ul style="list-style-type: none"> ● Pasukan Pergigian Bergerak/Klinik Pergigian Sekolah - Pastikan beg plastik kuning diikat dengan <i>cable tie</i> apabila penuh atau pada akhir waktu rawatan dan dilabelkan nama klinik dan tarikh. - Bawa balik sisa dari sekolah dan kumpul di klinik untuk diserahkan kepada syarikat konsesi / tempat simpanan khas. <hr/> <p>b. Pastikan sisa dikumpul untuk pelupusan oleh syarikat konsesi pada masa dan hari yang telah ditetapkan bagi klinik yang tiada klinik kesihatan.</p> <hr/> <p>c. Pastikan ada bekalan gantian beg plastik kuning secara berterusan oleh syarikat konsesi yang dilantik, mengikut keperluan.</p>
PPP / PPK	4.	<p>PEMBUANGAN SISA ALATAN TAJAM</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Buangkan alatan tajam ke dalam bekas khas, <i>sharps bin</i>. b. Tutup bekas <i>sharps bin</i> apabila mencapai $\frac{3}{4}$ penuh atau garisan penuh (fill to the filled line). c. Pastikan bekas <i>sharp bin</i> diambil oleh syarikat konsesi yang dilantik / dihantar ke tempat simpanan khas. d. Untuk Pasukan Pergigian Bergerak / Klinik Pergigian Bergerak / Klinik Pergigian Sekolah, bekas <i>sharps bin</i> hendaklah dibawa balik ke klinik dan dikumpulkan untuk diambil oleh syarikat yang dilantik / tempat simpanan khas.
PPP / PPK	5.	<p>PEMBUANGAN BENDALIR TUBUH</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kumpulkan bendalir tubuh dalam bekas yang mengandungi 5% <i>sodium hypochlorite</i>, sekiranya menggunakan <i>portable suction</i>.

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	
		b. Tutup suis apabila bendalir hampir penuh. c. Angkat bekas bendalir dan buang ke dalam mangkuk tandas. d. Cuci bekas sebelum digunakan semula
PPP / PPK	6.	PEMBUANGAN SISA KIMIA a. Sisa kimia <i>x-ray solution</i> dikumpul dalam botol kaca yang bertutup dan dilabel. b. Sisa amalgam kering dikumpul didalam botol plastik bertutup dan dilabel untuk pelupusan. c. Serah sisa kimia dan sisa amalgam kepada syarikat yang dilantik
PPP / PPK	7.	ii. PENGURUSAN SISA BERJADUAL PERINGKAT BAHAGIAN Memastikan kontrak perjanjian dengan pihak konsesi sentiasa dikemaskini.
Personel Tercedera		G. KECEDERAAN AKIBAT PERALATAN TAJAM a. Hentikan apa-apa aktiviti dengan serta-merta apabila berlaku kecederaan akibat peralatan tajam. a. Buka sarung tangan getah. b. Bersihkan luka di bawah air mengalir secukupnya. Untuk mata, lalukan dengan air suling atau air paip. c. Laporkan kejadian kepada Pegawai atasan dalam masa 24 jam dengan menyatakan: <ul style="list-style-type: none"> • Haribulan dan waktu kejadian kecederaan. • Jenis tugas yang sedang dilakukan. • Jenis dan banyaknya bendalir atau bahan terlibat • Tahap pendedahan samada pendedahan <i>percutaneous</i> atau <i>subcutaneous</i>. d. Kenalpastikan punca pendedahan <ul style="list-style-type: none"> • Jika punca pendedahan dapat dikenalpasti, tentukan samada pesakit membenarkan dirinya diperiksa untuk memastikan status kesihatannya. e. Rujuk anggota yang tercedera ke hospital untuk pengawasan dan penilaian <ul style="list-style-type: none"> • Pesakit dirujuk bersama sekiranya ia dikenalpasti sebagai punca pendedahan dan membenarkan dirinya diperiksa. Rujuk <i>Appendix 3 Guideline on Infection Control in Dental Practice 2017</i>
PPK/PPYM		
		H. PENGENDALIAN PERCIKAN DARAH DAN BENDALIR a. Lindungi diri dengan memakai <i>glove/apron/face mask</i>
SEMUA OPERATOR JP/PPP/PPK		

WPKL-BKP(G)-AK4: KAWALAN JANGKITAN SILANG

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	
		<ul style="list-style-type: none"> b. Tutup percikan darah/bendalir dengan tisu /kertas <i>absorbent</i>. c. Tuangkan 1-10% <i>sodium hypochlorite</i> (<i>bleach/Clorox</i>) ke atas percikan dan biarkan selama 10 minit. d. Gunakan tisu atau kertas <i>absorbent</i> yang lain dan lapkan tempat percikan tadi. e. Buangkan tisu atau kertas-kertas tercemar ke dalam tong sisa klinikal. f. Bersihkan tempat percikan sekali lagi dengan menggunakan bahan disinfeksi. <p>Rujuk Bab 4.3 <i>Guideline on Infection Control in Dental Practice 2017</i></p>
SEMUA OPERATOR JP/PPP/PPK	10.	<p>I. PENGENDALIAN NORMAL SALINE</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Keluarkan <i>saline</i> menggunakan <i>syringe</i> atau pasangkan <i>dispenser</i> pada penutup botol normal <i>saline</i>. b. Label tarikh luput normal <i>saline</i> iaitu satu (1) bulan dari tarikh botol dibuka bagi penggunaan selain pembedahan. Bagi penggunaan untuk pembedahan hendaklah digunakan dalam tempoh 24 jam. c. Simpan botol normal <i>saline</i> di dalam peti sejuk.